

**D.R. 25/2018**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2018.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 15**

**2.** Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 15(2)—

(a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu perkataan “atau”;

- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “; atau” dengan noktah; dan
- (c) dengan memotong perenggan (c).

### **Kecualian**

**3.** Semua tindakan tatatertib terhadap mana-mana pelajar Universiti yang berhubungan dengan perkara yang disebut dalam perenggan 15(2)(c) Akta ibu yang belum selesai di hadapan pihak berkuasa tatatertib sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, dihentikan.

---

### **HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (“Akta 30”). Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk meniadakan larangan ke atas pelajar Universiti untuk terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, hak pelajar Universiti untuk menyertai aktiviti parti politik tidak lagi disekat.

- 2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
- 3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 30. *Subfasal 2(c)* bertujuan untuk meminda perenggan 15(2)(c) Akta 30 untuk meniadakan larangan ke atas pelajar Universiti untuk terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus.
- 4. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.
- 5. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.